



JAWATAN : JURUTEKNIK KOMPUTER
GRED : FT1
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SISTEM MAKLUMAT

JADUAL GAJI:

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM100.00

ELAUN:

Imbuhan Tetap Khidmat Awam	: RM115.00
Imbuhan Tetap Perumahan	: RM300.00
Bayaran Imbuhan Sara Hidup	: RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (i) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred FT1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FT1: RM1,561.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred FT1: RM1,622.00); atau

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TARAF JAWATAN : TETAP / KONTRAK
**LOKASI : UTM JOHOR BAHRU/
UTM KUALA LUMPUR**

SYARAT TAMBAHAN:

1. Memperoleh sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris peringkat SPM/SPMV.
2. Penguasaan Bahasa Inggeris yang baik. Boleh berbahasa dan menulis dalam bahasa Inggeris.
3. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.
4. Sahsiah:
 - i. Mempunyai disiplin diri yang positif.
 - ii. Berketerampilan baik dan kemas.
 - iii. Semangat kerja berpasukan dan kerjasama yang tinggi.
 - iv. Sentiasa fokus kepada tugas yang dipertanggungjawabkan.
 - v. Bersedia menerima beban tugas yang lebih mencabar.
 - vi. Komitmen kerja yang sangat tinggi.
 - vii. Berkemampuan melaksanakan tugas melebihi tugas hakiki.
 - viii. Berkemampuan bekerja dalam apa jua situasi (*work under pressure*).
 - ix. Bersedia melaksanakan tugas dengan penuh integriti, akauntabiliti dan ikhlas.

SYARAT TAMBAHAN PTJ/JABATAN:

Kemahiran Teknikal

1. Penguasaan sistem operasi: Windows, Linux, macOS, ChromeOS.
2. Kemahiran rangkaian: TCP/IP, DNS, DHCP.
3. Pengalaman dengan perisian aplikasi: Microsoft Office Suite, Adobe Photoshop, Canva dan yang berkaitan.
4. Kemahiran dalam penyelesaian masalah: Kemampuan untuk mengenal pasti dan menyelesaikan masalah teknikal dengan cepat dan efisien.
5. Pengetahuan asas tentang perkakasan komputer: Pemasangan, konfigurasi, dan penyelenggaraan komponen komputer.

Syarat Tambahan Lain

1. Pengalaman dalam bidang tertentu: Sokongan teknikal pengguna, pembangunan laman web, keselamatan siber.
2. Sijil-sijil tambahan: CompTIA A+ (jika ada)

DESKRIPSI TUGAS JURUTEKNIK KOMPUTER:

1. Memberi perkhidmatan penyelenggaraan, pemeriksaan dan ketersediaan perkakasan ICT (PC, Laptop, Pencetak, Pengimbas, persidangan video (VC) dan skrin digital) dalam keadaan baik dan boleh digunakan; dan
2. Memberi perkhidmatan penyelenggaraan, pemeriksaan dan ketersediaan perkakasan rangkaian dan capaian rangkaian dengan wayar dan tanpa wayar dalam keadaan baik dan boleh digunakan; dan
3. Memberi perkhidmatan pengurusan peralatan dan bantuan kepakaran dalam bidang multimedia, audio & visual, VC dalam keadaan baik dan boleh digunakan; dan
4. Memeriksa dan mengemaskini serta menyelesaikan aduan dan permohonan di dalam sistem aduan rasmi universiti atau secara email atau secara "walk-in" dalam memastikan perkhidmatan ICT UTMDigital

dilaksanakan secara optimum dan berhemah berdasarkan akauntabiliti dan ISO serta garis panduan rasmi universiti; dan

5. Membantu melaksanakan pengurusan operasi infrastruktur ICT dan keselamatan digital bagi memastikan sistem universiti selamat dan boleh dicapai dengan baik.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara atas talian (online) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang benar, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. **(Pengesahan oleh Pegawai Kerajaan Gred 9 dan ke atas).**
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan/Badan-badan Berkanun/Kuasa Tempatan hendaklah mengemukakan surat sokongan Ketua Jabatan serta salinan Buku Perkhidmatan dan Laporan Penilaian Prestasi terkini melalui pos kepada:

Jabatan Pendaftar (Seksyen Perjawatan & Kenaikan Pangkat)
Bahagian Sumber Manusia,
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru